

Penubuhan Muzium Sejarah Semulajadi di Malaysia: Isu dan Cabaran

*Muzamil Mustaffa
Sarina Hashim
Mohd Shahrin Senik*

ABSTRAK

Isu dan cabaran penubuhan Muzium Sejarah Semulajadi (MSS) di Malaysia dalam era globalisasi dibincangkan. Muzium adalah sebuah institusi bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya terbuka kepada orang ramai untuk memperoleh maklumat, menyelidik, memelihara, berkomunikasi dan pameran untuk tujuan pendidikan dan rekreasi, disaksikan oleh manusia dan lingkungannya. Sehingga kini, di Malaysia masih belum wujud sebuah muzium khas untuk warisan sejarah semulajadi. Berbanding dengan negara jiran dan barat, ia telah lama membangunkan muzium sejarah semulajadinya. Masanya telah tiba bagi Malaysia, negara yang kaya dengan kepelbagaian biologi untuk memiliki sebuah Muzium Sejarah Semulajadi. Penubuhannya amat dinantikan lantas mewujudkan pelbagai isu dan cabaran khususnya dalam era globalisasi ini. Antara isu dan cabarannya ialah pembangunan sumber tenaga manusia, mengekang penyeludupan keluar harta warisan semulajadi dan batas-batas capaian maklumat kepelbagaian biologi dalam dunia tanpa sempadan.

Pengenalan

Muzium adalah Jabatan, Lembaga atau Perbadanan yang bersifat tetap. Ia berfungsi bukan untuk mencari keuntungan tetapi memberikan khidmat untuk masyarakat serta peranan yang dimainkan olehnya. Ia dibuka kepada

umum, bercorak penyelidikan, memperoleh, memelihara serta menyampaikan maksud yang berbentuk pameran. Ia bertujuan untuk pembelajaran, pendidikan dan hiburan berdasarkan bukti-bukti hasil tinggalan manusia dan persekitarannya (Anon 1997).

Muzium di Malaysia masih belum dieksploitasi sepenuhnya bagi membantu pengajaran dan pembelajaran walaupun sumbernya amat meluas yang boleh menampung keperluan pelbagai bidang pendidikan terutamanya untuk manfaat para pelajar sekolah rendah dan menengah (Muzamil et al. 2001a). Salah satu objektif utama penubuhan muzium adalah sebagai pusat pendidikan yang tidak formal. Pendidikan tidak formal melalui pelbagai cara yang tidak khusus seperti melalui interaksi berbahasa, melalui media permainan bagi memantapkan kemahiran psikomotor, melalui media komunikasi seperti radio dan televisyen; dan melalui bahan-bahan bercetak seperti buku, majalah dan akhbar (Sufean 1996).

Tujuan pendidikan di negara ini adalah untuk melahirkan individu manusia atau rakyat Malaysia yang terdidik dalam pelbagai segi agar mereka matang berfikir, berkemahiran untuk memikul tanggungjawab dan mempunyai komitmen untuk mendokong aspirasi negara agar hasrat pembangunan masyarakat dari segi fizikal, material dan spiritual dapat dicapai sepenuhnya. Pendidikan, dewasa ini telah menjadi agenda atau misi utama bagi mana-mana muzium. Muzium juga berpotensi dalam memenuhi permintaan bagi pembelajaran yang berterusan (Mc Lean 1997). Industri permuziuman telah memulakan idea *edutainment*, penekanan kepada dua elemen iaitu pendidikan dan hiburan atau keseronokan (Goodlad & McIvor 1998).

Status Muzium Sejarah Semulajadi di Malaysia

Muzium Sejarah Semulajadi (MSS) ialah sebuah institusi muzium berasaskan koleksi dan penyelidikan (collection-based and research-based) bahan seperti flora, fauna dan mineral. Sehingga kini, di Malaysia masih belum wujud sebuah MSS yang menyimpan kepelbagaian flora, fauna dan mineral. Berbanding dengan negara jiran dan barat, ia telah lama membangunkan muzium sejarah semulajadinya. Sebagai contoh, Natural History Museum, London telah ditubuhkan pada tahun 1753 iaitu menjangkaui usia 250 tahun. Ia mula dibuka kepada orang ramai pada tahun 1881. Sehingga tahun 1979, sejumlah 2.8 juta orang telah mengunjungi muzium tersebut (Anon 1987). Masanya telah tiba bagi Malaysia, negara yang kaya dengan kepelbagaian biologi untuk memiliki sebuah MSS untuk menempatkan khazanah alam semulajadi negara.

Penubuhan MSS di Malaysia telah banyak kali diketengahkan. Menurut cadangan asal, MSS akan dibangunkan di kawasan Sungai Buloh, Selangor. Malangnya lokasi tersebut dipercayai telah ditukarkan ke tempat lain. Sehingga tahun 2000, tiada apa-apa perkembangan yang positif tentang nasib MSS di Malaysia ini. Suara untuk merealisasikan sebuah MSS di Malaysia, meskipun telah lama, masih diteruskan (Yeang 2001; Mohamed Salleh 2002).

Dalam penubuhan MSS ini, pencapaian tahap dan pengiktirafan yang tertinggi adalah menjadi objektif yang utama. Bagi memenuhi hasrat tersebut, kakitangan muzium perlu mematuhi etika atau kod kerja dalam institusi permuziuman. Pekerja muzium sama ada muzium awam atau swasta, merupakan satu kepercayaan umum yang melibatkan tanggungjawab yang tinggi. Dalam apa jua aktiviti muzium, pekerja mesti bertindak dengan jujur, ikhlas dan selari dengan prinsip dan etika, begitu juga dengan tahap yang tinggi dalam objektifnya (Edson 1997).

Pelaksanaan

Penubuhan MSS amat dinantikan lantas mewujudkan pelbagai isu dan cabaran khususnya dalam era globalisasi ini. Antara isu dan cabarannya ialah pembangunan sumber tenaga manusia, mengekang penyeludupan keluar harta warisan semulajadi dan batas-batas capaian maklumat kepelbagaian biologi dalam dunia tanpa sempadan.

Pembangunan Sumber Tenaga Manusia di MSS merupakan satu isu yang utama kerana ia bakal melibatkan kos pengurusan yang tinggi. Menurut Glaser & Zenetou (1996) sesebuah muzium sepatutnya mempunyai sekurang-kurangnya 25 jawatan profesional dengan kelayakan akademik Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah manakala bagi kumpulan sokongan ia juga mencadangkan sekurang-kurangnya 25 jawatan. Justeru dengan keperluan ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) boleh mempertimbangkan pengwujudan jawatan-jawatan baru dalam MSS. Tindakan ini penting bagi memenuhi keperluan negara yang kaya dengan kepelbagaian biologi dan seterusnya meningkatkan pelancongan berteraskan keindahan flora, fauna dan mineral. Pada tahap ini, sokongan JPA terhadap institusi permuziuman memang tidak berbelah bagi. Terlalu banyak pembaharuan yang telah dikemukakan demi meningkatkan martabat muzium di negara ini seperti penawaran jawatan tetap di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam dan Jabatan Muzium dan Antikuiti, Muzium Negara. Sokongan dan kelulusan daripada JPA khususnya dalam memperaku jumlah kakitangan dan kelayakan jawatan yang lebih tinggi khususnya di MSS adalah amat dihargai. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan tahap institusi permuziuman dan pelancongan di Malaysia.

Selari dengan wawasan negara yang berteraskan ICT, institusi permuziuman juga tidak terkecuali dengan arus perdana ini. Sehingga tahun 2000, hanya Muzium

Sultan Alam Shah, Shah Alam yang mempunyai laman webnya sendiri. Namun ianya adalah masih terhad untuk maklumat-maklumat umum dan tidak mempunyai akses sehingga ke koleksi atau artifak. Berlainan dengan muzium di luar negara, koleksi sejarah semulajadi boleh diakses dengan mudah seperti maklumat belalang (Naskrecki 1996; Otte & Naskrecki 1997) dan lain-lain.

Pembangunan dan penyelidikan di muzium atau pusat repositori spesimen di dalam mahupun di luar negara perlu dijalankan. Ini disebabkan banyak koleksi yang unik dan eksotik yang telah lama terpendam dalam koleksi sesebuah muzium. Penyelidikan ini berpotensi menghasilkan makalah atau penulisan dan menyebarkan ilmu-ilmu dan penemuan yang baru kepada orang ramai. Antara penyelidikan yang telah dijalankan di beberapa muzium di dalam dan di luar negara adalah seperti belalang (Muzamil 1997; 1998a; 1998b; 1999a; 1999b; 2000; 2001a; 2001b; 2001c), kumpulan-kumpulan serangga yang lain dan ikan air tawar dari Selangor (Muzamil et al. 2001b; 2002).

Dalam menyokong penyelidikan dan pembangunan permuziuman, kerjasama yang sinergistik dengan pihak Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta (IPTA/S) dan badan kerajaan perlu dipupuk. Pihak IPTA/S dan badan kerajaan mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu. Sebagai contoh Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai kepakaran dalam bidang arkeologi; Universiti Putra Malaysia - organisma marin, serangga, ikan dan burung; Universiti Kebangsaan Malaysia – organisma marin, serangga dan lain-lain.

Cabaran

Kos pembangunan sesebuah muzium meliputi kos seperti struktur, kemudahan asas, sumber tenaga manusia, pelaksanaan ICT, belanja mengurus, penyelidikan dan pembangunan. Bangunan Muzium Sultan Alam Shah,

Shah Alam, Selangor telah dibina dengan kos RM42 juta (Anon 1999) dengan anggaran belanja mengurus lebih kurang RM2 hingga 3 juta setahun. Kos pembangunan dan pengurusan bagi Petro Sains pastinya berlipat kali ganda jumlahnya. Ini menyokong kepada falsafah dan objektif sesebuah muzium iaitu badan yang tidak membuat keuntungan dan menjalankan tanggungjawab sosial dalam memberi pendidikan tidak formal kepada orang ramai.

Semakan Peruntukan Rancangan Malaysia ke 7 (RM7) bagi negeri Selangor memperuntukan RM31.5 juta untuk aktiviti dan prasarana pelancongan dan RM7 juta untuk aktiviti Muzium Negeri. Jumlah keseluruhan kedua-dua aktiviti ini ialah RM38.5 juta (Anon 1998). Secara keseluruhannya, mengendalikan sesebuah muzium melibatkan kos yang tinggi dan agak sukar untuk dilakukan oleh orang perseorangan atau pihak swasta. Kalau adapun, muzium swasta di Malaysia ini adalah secara kecil-kecilan sahaja.

Penguatkuasaan undang-undang untuk menyekat penyeludupan harta kebudayaan dan warisan semulajadi keluar adalah masih longgar. Ini bukan disebabkan pihak Perhilitan dan Jabatan Muzium dan Antikuiti tidak menjalankan tugas dengan cekap tetapi penyeludup adalah lebih licik daripada penguatkuasa. Antara kes 'penyeludupan keluar' yang telah dilaporkan ialah belalang (Muzamil & Mohamedsaid 1998). Kes penyeludupan keluar ini banyak berlaku di negeri Sarawak dan Sabah. Apa yang lebih menakutkan lagi, mereka bukan sahaja membawa spesimen keluar malah mereka membawa bersama DNA (maklumat kebakaan) keluar dari negara ini.

Dalam era globalisasi, usahasama dengan negara luar adalah amat perlu dalam mendapat peruntukan atau khidmat kepakaran. Beberapa IPTA di negara ini telah memeterai kerjasama dan perjanjian dengan pihak luar untuk mendapatkan dana atau geran bagi menjalankan penyelidikan. Dalam masa yang sama, pihak luar

mengambil kesempatan atas kuasa mutlak yang ada untuk memiliki bahan-bahan yang istimewa nilainya. Keadaan ini dikhuatiri hanya akan menguntungkan sebelah pihak sahaja tetapi tidak di pihak kita.

Dalam era globalisasi, informasi adalah perkara penting dalam melahirkan masyarakat yang berteraskan k-ekonomi. Penerbitan ilmiah yang terlalu kurang membantutkan usaha Malaysia mencapai kedudukan yang baik dalam persaingan dengan negara-negara serantau ataupun antarabangsa. Penerbitan ilmiah ini melibatkan karya yang dihasilkan oleh penulis-penulis berwibawa. Malangnya, di Malaysia orang kurang berminat untuk menulis apatah lagi membaca tentang sejarah semulajadi di Malaysia.

Proses pendidikan adalah suatu perkara yang dinamik. Dalam era globalisasi, sumbangan ICT dalam memastikan matlamat pendidikan tidak formal ini tercapai tidak dapat dinafikan. Kebanyakan muzium adalah seperti sekolah gambar atau tempat pameran barangan mati dan statik. Suatu anjakan paradigma telah mula berlaku di Malaysia apabila lahirnya Petro Sains yang berteraskan pameran dengan bantuan teknologi tinggi. Pameran interaktif ini sedikit sebanyak telah meningkatkan minat orang ramai terhadap sejarah semula jadi termasuklah sains dan teknologi.

Muzium bertindak sebagai pemelihara khazanah dan menyimpan bukti-bukti kewujudan dan kehadiran sesuatu spesies di Malaysia. Pameran muzium bukan setakat diorama haiwan tetapi hendaklah dihubungkan dengan kehidupan seharian. Muzium hendaklah mempamerkan kehebatan kepelbagaian biologi dan akibat daripada kemusnahannya yang berterusan (Krishtalka 2000). Rekod yang unik, eksotik dan endemik dari sesuatu kawasan yang tertentu menyampaikan maksud kawasan tersebut perlu dipulihara. Daripada rekod-rekod yang telah diterbitkan, terdapat beberapa kawasan yang perlu dipulihara agar kepelbagaian biologi ini terus kekal. Antara penyelidikan yang telah dilakukan di Muzium

Sultan Alam Shah, Shah Alam ialah koleksi ikan air tawar dari Selangor. Hasil daripada penyelidikan ini mencadangkan kawasan-kawasan seperti Sungai Kemensah, Ijok, Sawah Sempadan di Selangor perlu dipulihara agar kepelbagaian biologi ini tidak pupus.

Pemasaran muzium juga satu perkara yang merumitkan. Antara perkara yang penting dalam pemasaran ialah mempromosi dan komunikasi produk-produk muzium (McLean 1997). Masyarakat memerlukan sesuatu kelainan daripada pameran tersebut. Sebagai contoh Pameran Hantu dan Puaka di Muzium Negara telah mendapat sambutan yang luarbiasa dengan anggaran lebih daripada sejuta pengunjung.

Sekiranya penubuhan MSS dan pelaksanaan ICT berjaya maka ia akan mencetuskan isu harta atau hak cipta intelektual yang boleh dicapai daripada internet. Dalam dunia kini yang tiada sempadan, sumber dan capaian maklumat boleh dilakukan dengan mudah. Lazimnya dengan adanya capaian daripada pangkalan data, seseorang perlu meletakkan penghargaan kepada pihak muzium atas data yang telah diperolehi. Pemantauan yang berterusan untuk memastikan penghargaan dilakukan adalah agak sukar kerana capaian boleh mencapai ribuan kali dalam sehari.

Kesimpulan

Pengwujudan MSS di Malaysia adalah sesuatu yang kritikal dan mendesak untuk memelihara dan memulihara khazanah warisan semulajadi yang terdapat di Malaysia. Dalam era globalisasi, penubuhan, pelaksanaan dan cabaran MSS akan mencetuskan aliran yang baru dalam institusi permuziuman. Kejayaan dalam mengikuti arus perubahan ini akan membawa pengiktirafan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Penghargaan

Kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengarah Kampus UiTM Cawangan Pahang, Pengarah Lembaga Muzium Selangor dan Timbalan Pengarah Kampus HEA atas dorongan dan sokongan dalam menulis artikel ini.

Rujukan

- Anon. (1987). *The Natural History Museum*. England: Balding + Mansell.
- Anon. (1997). *Pemeliharaan Khazanah Budaya Bangsa*. Selangor: Lembaga Muzium Selangor.
- Anon. (1998). *Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ketujuh Negeri Selangor*. Pusat R&D, Unit Penswastaaan Negeri Selangor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- Anon. (1999). *Pencapaian Sedekad (1989-1999) Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam*. Selangor: Lembaga Muzium Selangor.
- Edson, G. (1997). *Museum Ethics*. London: Routledge.
- Glaser, J.R. & A.A. Zenetou. (1996). *Museums: A Place to Work, Planning Museum Careers*. London: Routledge.
- Goodlad, S. & S. McIvor. (1998). *Museum Volunteers: Good Practices in The Management of Volunteers*. London: Routledge.
- Krishtalka, L. (2000). *Can Natural History Museums capture the future?* *BioScience* 50: 611-617.

- McLean, F. (1997). *Marketing The Museum*. London: Routledge.
- Mohamed Salleh, M.S. (2002). *Qua Vadis Taksonomi Serangga*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muzamil, M. & Mohamedsaid, M.S. (1998). *Catalogue of Tettigoniidae (Orthoptera) from Peninsular Malaysia*. *Serangga* 3(1): 111-152.
- Muzamil, M. (1997). *Onomarchus cretaceus (Serville), a new record of pseudophylline grasshopper from Peninsular Malaysia (Orthoptera: Tettigoniidae: Pseudophyllinae)*. *Serangga* 2(2): 177-183.
- Muzamil, M. (1998a). *Notes on bushcrickets of the subfamily Pseudophyllinae (Orthoptera: Tettigoniidae) in the Zoological Reference Collection, Singapore*. *Serangga* 3(1): 61-66.
- Muzamil, M. (1998b). *Belalang Tribus Pseudophyllini dari Selangor (Orthoptera: Tettigoniidae: Pseudophyllinae)*. *Seri Alam* 4: 19-48.
- Muzamil, M. (1999a). *Belalang Tribus Phyllomimini dari Selangor (Orthoptera: Tettigoniidae: Pseudophyllinae)*. *Seri Alam* 5: 31-58.
- Muzamil, M. (1999b). *List of Tettigoniid (Orthoptera) Type Specimen From Selangor in the repository of Natural History Museum London, (BNHM)*. *Seri Alam* 5: 1-7.
- Muzamil, M. (2000). *The genus Chloracris Pictet & Sausure from Peninsular Malaysia (Orthoptera: Tettigoniidae: Pseudophyllinae)*. *Serangga* 5(2): 273-279.

- Muzamil, M. (2001a). *Rhomboptera honorabilis* Brunner v.W., a new record of Pseudophylline bushcrickets from Peninsular Malaysia (Orthoptera: Tettigoniidae: Pseudophyllinae). *Serangga* 6(1): 105-108.
- Muzamil, M. (2001b). *Typhoptera siamensis* Karny, a new record of Pseudophylline bushcrickets from Peninsular Malaysia (Orthoptera: Tettigoniidae: Pseudophyllinae). *Proceeding 4th Asia Pacific Conference of Entomology*: 118.
- Muzamil, M. (2001c). *Tettigonid fauna of Peninsular Malaysia, with special reference to the tribe Pseudophyllini* (Orthoptera: Tettigoniidae: Pseudophyllinae). *Proceeding 4th Asia Pacific Conference of Entomology*: 14.
- Muzamil, M., H. Sarina & M.N. Ramlan. (2001a). *Program Muzium dan Pendidikan: satu kajian awal pendidikan tidak formal di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, Selangor*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 3: 9-15.
- Muzamil, M., H. Sarina, M.N. Ramlan & M.Y. Ruslan. (2001b). *Ikan air tawar dari Selangor di dalam koleksi Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam*. *Jurnal Seri Alam*. 6: 170-185.
- Muzamil, M., H. Sarina, & M.Y. Ruslan. (2002). *Ikan air tawar dari Selangor di dalam koleksi Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam: Bahagian II*. *Jurnal Seri Alam*. 7: 30-43.
- Naskrecki, P. (1996). *Orthoptera DB: A taxonomy and collection database manager*. <http://viceroy.eeb.uconn.edu/interkey/database.html> (24/01/2002).

Otte, D. & P.Naskrecki. (1997). *Orthoptera Species*.
Online. <http://viceroy.eeb.uconn.edu/Orthoptera>.
(24/10/97).

Sufean Hussin. (1996). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yeang, S.C. (25 November 2001). *Natural history museum needed*. New Sunday Times: Focus.

MUZAMIL MUSTAFFA & SARINA HASHIM, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Pahang.

MOHD SHAHRIM SENIK, Lembaga Muzium Selangor, Persiaran Perdagangan, 40000, Shah Alam, Selangor.